

30 SEP 2003

MAHATHIR ANJUR MAJLIS MAKAN MALAM BAGI PERWAKILAN DAN PEMPAMER

LANGKAWI, 30 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menganjurkan majlis makan bagi perwakilan dan pempamer Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 2003 (LIMA 03).

Majlis makan malam itu yang diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) juga dihadiri oleh Sultan Brunei, Sultan Hassanah Bolkiah, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan beberapa Menteri Kabinet lain. Para tetamu dihiburkan oleh penyanyi Yusni Hamid.

Di majlis itu juga Le Proton, penganjur bahagian aeroangkasa LIMA, menyampaikan memento kepada Dr Mahathir dalam bentuk replika kapal terbang pertama yang diterbangkan oleh adik-beradik Wright sebagai penghargaan kepada sumbangan Perdana Menteri dalam industri penerbangan.

Momento itu disampaikan oleh Datuk Radzi Manan, pengerusi eksekutif Le Proton kepada Perdana Menteri.

Sementara itu, Najib menyampaikan satu kristal Langkawi dalam bentuk intan kepada Dr Mahathir kerana kepimpinan beliau dan dorongannya bagi LIMA.

-- BERNAMA

SR MAD PR